A

FAUZUN ABDUL SAMAD

lwn.

STANDARD CHARTERED BANK MALAYSIA BHD

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUANTAN
SURAYA OTHMAN H
[RAYUAN SIVIL NO: 12-6-2006]
22 FEBRUARI 2008

C ***PROSEDUR SIVIL:*** *Penghakiman ingkar - Pengenepian - Permohonan - Penyerahan saman - Usaha-usaha diambil - Sama ada munasabah - Sama ada responden sedia maklum bahawa perayu telah berpindah - Sama ada gambaran 'mala fide' wujud - Sama ada perintah penyampaian ganti diperolehi responden secara teratur - Sama ada*
D *penyerahan saman dan pernyataan tuntutan melalui penyampaian ganti tidak sah - Sama ada responden gagal memberikan notis sewajarnya - Sama ada pihak perayu dibenarkan untuk mengenepikan penghakiman ingkar kehadiran 'as of right' - Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 3 k. 5, A. 7 k. 18 & A. 29 k. 14*

E Ini adalah rayuan pihak perayu/defendan kedua yang tidak berpuashati dengan keseluruhan keputusan yang telah diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang memutuskan bahawa permohonan perayu melalui notis permohonan bertarikh 8 Jun
F 2005 ditolak dengan kos. Melalui notis permohonan 8 Jun 2005, perayu telah memohon kepada mahkamah agar (i) perayu dibenarkan satu perlanjutan masa di bawah A. 3 k. 5 Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 untuk membuat satu permohonan untuk mengenepikan penghakiman ingkar di bawah A. 29 k. 14
G bertarikh 31 Oktober 2003 terhadap perayu; (ii) perintah penyampaian ganti yang dikeluarkan oleh mahkamah di bawah A. 7 k. 18 bertarikh 21 Mei 2003 yang dirakamkan terhadap perayu/defendan kedua diketepikan dan (iii) satu perintah agar perlaksanaan penghakiman ingkar bertarikh 31 Oktober 2003
H dengan apa cara jua digantungkan sehingga permohonan melalui notis permohonan 8 Jun 2005 didengar dan diputuskan. Menurut perayu, ketidakhadirannya di mahkamah pada tarikh sebutan 31 Oktober 2003 adalah disebabkan beliau tidak menyedari dan tidak mempunyai pengetahuan berkenaan perkara tersebut. Isu untuk
I diputuskan oleh mahkamah hanya menjuruskan kepada satu isu sahaja iaitu sama ada penyerahan saman dan penyata tuntutan

yang telah diserahkan kepada perayu secara serahan ganti berdasarkan perintah mahkamah bertarikh 21 Mei 2003 adalah sah di sisi undang-undang iaitu sama ada perintah penyampaian ganti yang diperolehi oleh responden itu diperolehi dengan cara teratur dan sempurna.

Diputuskan (membenarkan rayuan perayu terhadap keseluruhan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen; perintah penyampaian ganti diketepikan; perintah penghakiman ingkar terhadap perayu secara otomatik terbatal):

(1) Tiada sebarang usaha telah diambil oleh pihak responden untuk melakukan percubaan yang munasabah bagi menyerahkan saman dan penyata tuntutan kepada perayu. Carian tidak dilakukan dengan Jabatan Pendaftaran Malaysia untuk memastikan alamat terkini perayu semasa penyerahan saman dan penyata tuntutan hendak dibuat. Sedangkan, melalui eks. 'FAS9' kepada affidavit sokongan perayu kepada notis permohonan, adalah jelas tertera bahawa perayu telah berpindah ke Tembeling Resort, Kuantan sejak tahun 2000 sehingga tahun 2003 apabila perayu berpindah ke Setiawangsa. Carian dibuat oleh responden melalui 'Business & Search Information Services Sdn Bhd' atau BASIS bertarikh 27 Jun 2002 adalah berkaitan dengan defendan pertama sahaja yang merupakan sebuah syarikat dan tidak kena mengena dengan perayu yang merupakan defendan kedua di dalam tindakan ini. Penyataan deponen bahawa perayu dengan sengaja mengelak serahan langsung tidak disokong dengan sebarang bukti yang kukuh. (perenggan 13)

(2) Pihak responden sebagai sebuah institusi kewangan tidak boleh lepas tangan dengan sewenang-wenangnya membuat penyerahan saman dan seterusnya mengirimkan secara pos biasa notis yang memberitahu tarikh sebutan di mahkamah ke alamat perayu yang mana pihak responden telah sedia maklum bahawa perayu telah pun berpindah daripada alamat tersebut. Tiada sebarang peruntukan undang-undang yang memberikan hak keistimewaan kepada mana-mana bank untuk bertindak sedemikian. Responden sendiri mengaku melalui affidavit yang perayu telah pun berpindah tetapi serahan notis pemberitahuan tarikh sebutan di mahkamah pada 31 Oktober 2003 iaitu tarikh di mana penghakiman ingkar kehadiran telah dimasukkan terhadap

perayu masih dibuat ke alamat yang sama. Tindakan sedemikian oleh pihak responden menggambarkan niat *'mala fide'* mereka terhadap perayu sedangkan responden tidak pernah dikecualikan daripada tanggungjawab untuk mengesan alamat terkini perayu sama ada dimaklumkan atau tidak oleh perayu akan perubahan alamatnya. (perenggan 14)

(3) Perintah penyampaian ganti yang diperolehi oleh responden telah diperolehi dengan cara yang tidak teratur memandangkan langsung tiada bukti yang menunjukkan bahawa responden telah berusaha untuk mengesan alamat terkini atau 'whereabouts' pihak perayu. Penyerahan saman dan pernyataan tuntutan terhadap perayu melalui penyampaian ganti adalah tidak sah di sisi undang-undang. Begitu juga dengan kedudukan penyerahan notis pemberitahuan 8 Oktober 2003 untuk memaklumkan tarikh sebutan di mahkamah pada 31 Oktober 2003 kepada perayu yang sememangnya tidak memberi kesan dari segi undang-undang. Di atas kegagalan pihak responden memberikan notis yang sewajarnya kepada pihak perayu berkenaan tarikh sebutan tersebut, pihak perayu seharusnya dibenarkan untuk mengenepikan penghakiman ingkar kehadiran tersebut 'as of right.' (perenggan 16, 18 & 19)

Kes-kes yang dirujuk:
Muniandy Thamba Kaudan & Anor v. Development & Commercial Bank Berhad & Anor [1996] 2 CLJ 586 FC ***(dirujuk)***
Re Peh Kong Wan [1992] 3 CLJ 1747 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 3 r. 5, O. 7 r. 18, O. 29 r. 14

Bagi pihak perayu - Haris Mohamed Ibrahim; T/n Haris & Co
Bagi pihak responden - Nor Anizah Mukhtar; T/n Lin & Assoc

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Suraya Othman H:

[1] Ini merupakan rayuan oleh pihak perayu/defendan kedua yang tidak berpuashati dengan keseluruhan keputusan yang telah diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen Kuantan pada tarikh 30

Disember 2005. Hakim Mahkamah Sesyen telah memutuskan bahawa permohonan perayu melalui notis permohonan bertarikh 8 Jun 2005 ditolak dengan kos. Susulan daripada itu, notis rayuan di kandungan (2) telah difailkan oleh pihak perayu pada tarikh 12 Januari 2006.

Latar Belakang Permohonan

[2] Melalui notis permohonan bertarikh 8 Jun 2005 tersebut, perayu memohon kepada mahkamah agar:

(a) Perayu/defendan kedua dibenarkan satu perlanjutan masa di bawah A. 3 k. 5 Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 (PU(A)328/80) untuk membuat satu permohonan untuk mengenepikan penghakiman ingkar di bawah A. 29 k. 14 yang bertarikh 31 Oktober 2003 terhadap diri perayu/defendan kedua;

(b) Perintah penyampaian ganti yang dikeluarkan oleh mahkamah di bawah A. 7 k. 18 bertarikh 21 Mei 2003 yang dirakamkan terhadap perayu/defendan kedua diketepikan;

(c) Satu perintah agar perlaksanaan penghakiman ingkar bertarikh 31 Oktober 2003 dengan apa cara jua digantungkan sehingga permohonan melalui notis permohonan bertarikh 8 Jun 2005 didengar dan diputuskan; dan

(d) Kos permohonan ini ditanggung oleh pihak plaintif.

[3] Alasan-alasan telah dikemukakan melalui affidavit sokongan yang diikrarkan oleh perayu sendiri pada tarikh 16 Jun 2005 seperti mana yang terkandung di ms 15 hingga 25 rekod rayuan. Menurut perayu, ketidakhadirannya di mahkamah pada tarikh sebutan pada 31 Oktober 2003 adalah disebabkan beliau tidak menyedari dan tidak mempunyai pengetahuan berkenaan perkara tersebut. Perayu hanya menyedari berkenaan kewujudan tindakan ini melalui seorang kawan yang mendapati nama perayu telah diiklankan di dalam akhbar berhubung dengan suatu notis kebankrapan yang difailkan terhadapnya pada sekitar bulan Disember 2004. Tindakan segera telah diambil dengan melantik peguam yang kemudiannya telah mendapatkan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kes ini. Setelah semakan, didapati bahawa penyerahan saman dan pernyataan tuntutan telah diserahkan

kepada perayu secara serahan ganti berdasarkan kepada perintah mahkamah bertarikh 21 Mei 2003.

[4] Namun demikian, perayu menegaskan bahawa penyerahan yang dibuat ke atasnya melalui penyampaian ganti adalah tidak sempurna di atas beberapa alasan. Alasan pertama adalah berkenaan pengiklanan di dalam akhbar 'The Star' Bahagian Timur sahaja sedangkan tiada syarat sedemikian dinyatakan di dalam perintah mahkamah. Seterusnya, turut dibangkitkan bahawa pihak responden telah gagal mendedahkan fakta sebenar serta melakukan salahnyataan berkenaan alamat terkini perayu semasa permohonan tersebut dikemukakan kepada mahkamah. Menurut perayu pada tahun 2002, semasa kes ini difailkan, beliau tidak lagi menetap di Bukit Bandaraya, Kuala Lumpur tetapi telah berpindah ke Tembeling Resort, Kuantan seperti mana yang ditunjukkan melalui alamat berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara di eks. 'FAS9' (m/s 52 rekod rayuan) sejak 22 Januari 2000. Seterusnya, perayu telah berpindah daripada alamat tersebut ke Setiawangsa, Kuala Lumpur dalam tahun 2003. Oleh yang demikian, perayu menegaskan bahawa beliau tidak pernah pada bila-bila masa cuba mengelak serahan saman tersebut.

[5] Bagi membantah kepada permohonan pihak perayu, responden telah memfailkan affidavit jawapan yang diikrarkan oleh Leong Lai Woh selaku Pengurus Akaun (Group Special Assets Management) responden pada tarikh 12 Julai 2005 (m/s 53-58 rekod rayuan). Ini diikuti dengan pemfailan affidavit jawapan defendan kedua bertarikh 28 Julai 2005 (m/s 81-87 rekod rayuan) dan affidavit pembetulan (m/s 88-90 rekod rayuan) yang juga telah difailkan pada tarikh yang sama. Susulan daripada itu, responden telah memfailkan Affidavit Jawapan II yang diikrarkan pada tarikh 18 Ogos 2005 (m/s 92-122 rekod rayuan) dan akhir sekali perayu telah memfailkan affidavit jawapan defendan kedua pada tarikh 6 September 2005 (m/s 123-173 rekod rayuan).

[6] Hakim bicara, setelah meneliti dan menimbang akan isi kandungan affidavit-affidavit tersebut serta mengambilkira penghujahan-penghujahan yang dikemukakan oleh peguamcara bagi kedua-dua belah pihak telah memutuskan bahawa permohonan pihak perayu tersebut ditolak dengan kos. Tiada sebarang alasan penghakiman dikemukakan oleh hakim bicara memandangkan ini merupakan suatu rayuan terhadap keputusan bagi permohonan yang berbentuk interlokutori.

Isu Untuk Diputuskan Oleh Mahkamah

[7] Isu untuk diputuskan oleh mahkamah hanya menjuruskan kepada satu isu sahaja iaitu sama ada penyerahan saman dan penyata tuntutan yang telah diserah kepada perayu secara serahan ganti berdasarkan perintah mahkamah bertarikh 21 Mei 2003 adalah sah di sisi undang-undang iaitu sama ada perintah penyampaian ganti yang diperolehi responden itu diperolehi dengan cara teratur dan sempurna.

Penemuan Mahkamah

[8] Bagi pendengaran rayuan terhadap sesuatu keputusan yang berbentuk interlokutori, peranan mahkamah di peringkat rayuan ini adalah untuk mendengar permohonan pihak perayu secara pendengaran semula atau 're-hearing'.

[9] Pada tarikh pendengaran 13 November 2007, mahkamah telah dimaklumkan oleh peguamcara bagi kedua-dua belah pihak bahawa penghujahan secara bertulis difailkan oleh mereka seperti yang terkandung di kandungan (6) dan kandungan (7). Kedua-dua pihak turut mengemukakan ikatan otoriti bagi menyokong penghujahan masing-masing. Selanjutnya, pihak-pihak memerlukan masa untuk menjawab kepada penghujahan-penghujahan tersebut dan tarikh penghujahan secara lisan telah ditetapkan pada tarikh 22 Januari 2008. Pada tarikh pendengaran 22 Januari 2008 yang lalu, hujahan balas pihak responden adalah di kandungan (9) tetapi hujahan balas perayu tiada di dalam rekod mahkamah dan tarikh keputusan dan/atau klarifikasi lanjut (jika perlu) telah ditetapkan pada hari ini. Setelah semakan dibuat, didapati bahawa hujahan balas perayu telah diterima oleh pihak pendaftaran Mahkamah Tinggi Kuantan pada tarikh 2 Januari 2008 yang lalu dan ditandakan sebagai kandungan (10).

[10] Oleh yang demikian, setelah meneliti dan menimbang akan keseluruhan isi kandungan affidavit-affidavit yang telah difailkan oleh kedua-dua belah pihak berkaitan dengan permohonan perayu melalui notis permohonan bertarikh 8 Jun 2005 di sini serta mengambilkira akan penghujahan-penghujahan dan penghujahan-penghujahan balas yang telah dikemukakan oleh peguamcara perayu dan responden, yang mana turut disokong oleh otoriti-otoriti kes masing-masing, saya memutuskan adalah wajar untuk membenarkan rayuan oleh pihak perayu dengan berlandaskan kepada beberapa alasan.

[11] Meneliti akan perintah penyampaian ganti yang dikeluarkan oleh mahkamah pada tarikh 21 Mei 2003, adalah jelas bahawa ianya dikeluarkan dengan berpandukan notis permohonan pihak responden yang dikemukakan di ms 176 hingga 177 rekod rayuan, permohonan tersebut yang hanya disokong oleh affidavit tanpa penyampaian yang diikrarkan oleh Nor Azizah binti Mohamad, peguamcara responden yang diikrarkan pada tarikh 16 Disember 2002 seperti di ms 178 dan 179 rekod rayuan dan sekali lagi di ms 190 dan 191 rekod rayuan yang sama. Namun demikian, sekiranya perintah Pendaftar Mahkamah Sesyen di ms 204 dan 205 rekod rayuan diteliti, rujukan telah dibuat oleh pendaftar tersebut kepada affidavit yang diikrarkan oleh deponen yang sama tetapi bertarikh 19 Disember 2002. Persoalan timbul, affidavit yang mana satukah yang dirujuk dan dipertimbangkan oleh pendaftar terbabit semasa mengeluarkan perintah tersebut. Affidavit bertarikh 19 Disember 2002 ada dikemukakan di ms 186 dan 187 rekod rayuan, dan hanya sebagai ekshibit sahaja kepada affidavit Nor Azizah di ms 178 dan 179 rekod rayuan tersebut. Langsung tiada sebarang penjelasan berkenaan kekeliruan ini diberikan oleh pihak responden di dalam penghujahan mereka yang nampaknya tidak begitu menyeluruh di atas isu keesahan perintah penyampaian ganti yang dipertikaikan oleh perayu.

[12] Saya berpendapat bahawa kekeliruan berkenaan affidavit yang sebenarnya dirujuk oleh Pendaftar Mahkamah Sesyen semasa mengeluarkan perintah penyampaian ganti adalah memadai untuk mempertikaikan keesahan perintah tersebut selain daripada faktor-faktor lain yang telah dibangkitkan oleh peguamcara perayu di dalam penghujahan mereka.

[13] Sepertimana yang dihujahkan oleh peguamcara perayu, sekiranya dirujuk kepada affidavit yang bertarikh 19 Disember 2002 tersebut, tiada sebarang usaha telah diambil oleh pihak responden untuk melakukan percubaan yang munasabah bagi menyerahkan saman dan penyata tuntutan kepada pihak perayu. Carian tidak dilakukan dengan Jabatan Pendaftaran Malaysia untuk memastikan alamat terkini perayu semasa penyerahan saman dan penyata tuntutan hendak dibuat. Sedangkan, melalui eks. 'FAS9' kepada affidavit sokongan perayu kepada notis permohonan, adalah jelas tertera bahawa perayu telah berpindah ke Tembeling Resort, Kuantan sejak tahun 2000 sehingga tahun 2003 apabila perayu berpindah ke Setiawangsa. Carian dibuat oleh responden melalui

'Business & Search Information Services Sdn. Bhd.' atau 'BASIS' bertarikh 27 Jun 2002 adalah berkaitan dengan defendan pertama sahaja yang merupakan sebuah syarikat dan tidak kena-mengena dengan perayu yang merupakan defendan kedua di dalam tindakan ini. Penyataan deponen bahawa perayu dengan sengaja mengelak serahan langsung tidak disokong dengan sebarang bukti yang kukuh.

[14] Pihak responden sebagai sebuah institusi kewangan tidak boleh lepas tangan dengan sewenang-wenangnya membuat penyerahan saman dan seterusnya mengirimkan secara pos biasa notis yang memberitahu tarikh sebutan kes di mahkamah ke alamat perayu yang mana pihak responden telah sedia maklum bahawa perayu telah pun berpindah daripada alamat tersebut. Tiada sebarang peruntukan undang-undang yang memberikan hak keistimewaan kepada mana-mana bank untuk bertindak sedemikian. Di dalam kes di hadapan mahkamah ini, responden sendiri mengakui melalui affidavit Nor Azizah binti Mohamed yang bertarikh 16 dan/atau 19 Disember 2002 yang perayu telah pun berpindah pada tarikh tersebut tetapi serahan notis pemberitahuan tarikh sebutan di mahkamah pada 31 Oktober 2003 iaitu tarikh di mana penghakiman ingkar kehadiran telah dimasukkan terhadap perayu masih dibuat ke alamat yang sama iaitu 63, Jalan Keruing, Bukit Bandaraya, Kuala Lumpur. Notis pemberitahuan bertarikh 8 Oktober 2003 tersebut adalah seperti yang terkandung di ms 61 dan 62 rekod rayuan. Tindakan sedemikian oleh pihak responden menggambarkan niat *"mala fide"* mereka terhadap perayu sedangkan responden tidak pernah dikecualikan daripada tanggungjawab untuk mengesan alamat terkini perayu samada ada dimaklumkan atau tidak oleh perayu akan perubahan alamatnya.

[15] Di atas isu ini, saya merujuk kepada keputusan Yang Arif Hakim VC George di dalam kes *Re: Peh Kong Wan* [1992] 3 CLJ 1747 yang dikemukakan sebagai 'TAB8' kepada ikatan otoriti perayu. Kes ini merupakan suatu prosiding kebankrapan tetapi turut melibatkan perintah penyampaian ganti yang dikeluarkan oleh pendaftar yang mana telah diputuskan:

> *Where it is known or ought to be known that the respondent has ceased to reside at the last known address, the registrar should be provided with some evidence as to the propable whereabouts of the respondent. If suspected out of jurisdiction, that suspicion should be brought to the attention of the Court so that the order for substituted service could be*

A *formulated to that end that the respondent would in all probability get to know of the Bankruptcy Notice or the presentation of the petition as the case may be.* Here, there had been failures to make reasonable enquiries as to the whereabouts of B despite being reported by the process server that B did not reside at the last known address. In all probabilty, had reasonable enquiries been made, P would not have known that B was not in the Federation as averred.

[16] Di dalam keadaan ini dan berpandukan kepada keputusan di dalam kes yang disebutkan tadi, adalah jelas bahawa perintah penyampaian ganti yang diperolehi oleh pihak responden di dalam tindakan ini telah diperolehi dengan cara yang tidak teratur memandangkan langsung tiada bukti yang menunjukkan bahawa responden telah berusaha untuk mengesan alamat terkini atau 'whereabouts' pihak perayu.

[17] Isu bahawa pengiklanan telah dibuat di dalam akhbar 'The Star' yang merangkumi seluruh Malaysia dan bukannya edisi bahagian Timur sahaja tidak lagi relevan apabila perintah penyampaian ganti tersebut sendiri telah diperolehi dengan cara yang tidak teratur.

[18] Berdasarkan alasan yang dinyatakan di awal tadi, adalah jelas bahawa penyerahan saman dan pernyataan tuntutan terhadap perayu di dalam kes ini melalui penyampaian ganti adalah tidak sah di sisi undang-undang. Begitu juga dengan kedudukan penyerahan notis pemberitahuan bertarikh 8 Oktober 2003 untuk memaklumkan tarikh sebutan di mahkamah pada 31 Oktober 2003 kepada perayu yang sememangnya tidak memberi kesan dari segi undang-undang. Ini kerana, ianya telah dihantar secara pos biasa ke alamat di mana pihak responden sudah sedia maklum bahawa perayu tidak lagi menetap di situ. Di dalam keadaan ini, prinsip yang digariskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Muniandy a/l Thamba Kaudan & Anor v. Development & Commercial Bank Berhad & Anor* [1996] 2 CLJ 586 berkenaan kegagalan menyerahkan notis pendengaran adalah digunapakai. Di dalam kes terbabit telah diputuskan bahawa:

> The failure on the part of the chargees to notify the chargors of the date of the adjourned hearing was of such fundamental importance that it must render each of the ex parte orders obtained a nullity. The defect is so fundamental as to entitle the chargors to have the judgment avoided and set aside as of right.

[19] Keadaan yang sama terpakai di dalam kes di hadapan mahkamah ini. Saya berpendapat bahawa di atas kegagalan pihak responden memberikan notis yang sewajarnya kepada pihak perayu berkenaan tarikh sebutan tersebut, pihak perayu seharusnya dibenarkan untuk mengenepikan penghakiman ingkar kehadiran tersebut 'as of right'.

Kesimpulan

[20] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dinyatakan di atas, mahkamah memutuskan bahawa rayuan pihak perayu terhadap keseluruhan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen Kuantan melalui notis rayuan bertarikh 12 Januari 2006 di kandungan (2) adalah dengan ini dibenarkan dengan kos ditanggung oleh pihak responden. Perintah Hakim Mahkamah Sesyen bertarikh 30 Disember 2005 adalah diketepikan. Begitu juga perintah penyampaian ganti bertarikh 21 Mei 2003, diketepikan. Dengan perintah penyampaian ganti diketepikan, maka perintah penghakiman ingkar yang diperolehi terhadap perayu pada 31 Oktober 2003 secara otomatik terbatal kerana tidak sah ("a nullity").

[21] Rayuan dibenarkan dengan kos.